



مجلس دائره كريك MAJLIS DAERAH GERIK

Jalan Haji Meor Yahaya, 33300 Gerik, Perak
Tel : 05-7912305, 05-7911686 Faks : 05-7912288 E-mel : mdg@gerik.gov.my
Portal rasmi : www.gerik.gov.my

Bil. (140) dlm. M.D.Gk. (P) 13/84 Pt. IX 30/2001 (Jld. 1)

NOTIS KERJA SEBUT HARGA MAJLIS DAERAH GERIK BIL 1/2020

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dalam Gred/Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :-

- **SEPERTI DI LAMPIRAN A YANG BERKEPIL** -

2. Borang-borang sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja. Kontraktor atau wakilnya hendaklah membawa **dokumen ASAL Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera**.
3. Segala butiran kerja serta borang sebut harga boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Gerik** mulai dari **13/05/2020 hingga 20/05/2020** dengan bayaran sebanyak * seperti dinyatakan. **LAWATAN TAPAK ADALAH TIDAK DIWAJIBKAN.**

Waktu Kaunter Jualan :

Isnin - Jumaat	9.30 pg – 12.30 tgh
----------------	---------------------

** Tidak termasuk cuti am

4. **Semua borang sebut harga dan Profail Syarikat** yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di pejabat ini tidak lewat atau pada jam **12.00 tengahari** pada hari **KHAMIS** bertarikh **21/05/2020**. **Profail Syarikat hendaklah lengkap mengandungi Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera, senarai pengalaman kerja, 3 bulan terakhir penyata bank/kewangan syarikat, orgnisasi syarikat dan lain-lain maklumat penting.**
5. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau member, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan kesalahan jenayah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
6. Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa rasuah suapan kepada mana-mana Anggota Pentadbiran Awam, makan pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan jenayah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
7. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.

8. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada bayaran berkaitan ini walaupun kerja dibuat atau tiada barang yang dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAMMAD ASYRAF BIN SAPRI)

Setiausaha

b.p. Yang Dipertua

Majlis Daerah Gerik

Kej/harris

Bertarikh : **6 MEI 2020**

PERINGATAN KEPADA KONTRAKTOR

MEMBELI BORANG SEBUT HARGA

1. SEMUA KONTRAKTOR YANG HENDAK MEMBELI BORANG HENDAKLAH **MENYERTAKAN SIJIL ASAL BPKU & CIDB YANG SAH DAN KAD PENGENALAN ASAL KONTRAKTOR SEMASA HENDAK MEMBELI BORANG SEBUT HARGA.**
2. BAGI WAKIL KONTRAKTOR HENDAKLAH DISERTAKAN **SURAT WAKIL KONTRAKTOR YANG SAH, DITANDATANGANI OLEH KONTRAKTOR ASAL DAN MENYERTAKAN NAMA PENUH DAN NOMBOR KAD PENGENALAN ORANG YANG DIWAKILKAN DALAM SURAT BERKENAAN DAN HENDAKLAH JUGA MEMBAWA SIJIL ASAL BPKU DAN CIDB KONTRAKTOR DAN KAD PENGENALAN ASAL ORANG YANG DIWAKILKAN SEMASA HENDAK MEMBELI BORANG SEBUT HARGA.**
3. SEMUA SIJIL HENDAKLAH MASIH SAH SERTA **TARIKH LUPUT TIDAK KURANG DUA (2) BULAN DARI TARIKH IKLAN SEBUT HARGA IAITU HENDAKLAH MELEBIH DARI TARIKH 7 JULAI 2020.**

LAMPIRAN A

NOTIS KERJA SEBUT HARGA MAJLIS DAERAH GERIK BIL 1/2020

Bil.	TAJUK KERJA	GRED	KATEGORI/ PENG- KHUSUSAN	HARGA SENASKHAH	LAWATAN TAPAK
1.	MEMBINA 'CABIN CAFE' DAN PUSAT INFORMASI DAERAH DI JALAN SULTAN ISKANDAR, MD GERIK	G2	B / B04	RM 50.00	TIDAK DI WAJIBKAN (walaubagaimanapun kontraktor dinasihatkan untuk membuat lawatan sendiri ke tapak dilokasi seperti koordinat GPS : 5.425851, 101.127315)
2.	MEMBINA TEMPAT LETAK KERETA, INFRASTRUKTUR JALAN DAN KEMUDAHAN TANDAS DI PASAR AWAM KAMPUNG BARU BATU DUA, MD GERIK	G2	CE / CE01 & CE21	RM 50.00	TIDAK DI WAJIBKAN (walaubagaimanapun kontraktor dinasihatkan untuk membuat lawatan sendiri ke tapak dilokasi seperti koordinat GPS : 5.449180, 101.133763 melalui Taman Selamat Jaya, Gerik Atau 5.450145, 101.134065 melalui Pasar Awam Kampung Baru Batu Dua, Gerik)

Nota

1. Kontarktor dinasihatkan untuk membuat lawatan sendiri ke tapak cadangan bagi mendapatkan gambaran sebenar ditapak sebelum menghargakan dalam dokumen sebut harga. Pihak Majlis tidak bertanggungjawab dalam sebarang bentuk kesilapan pengiraan dalam borang sebut harga yang disertai oleh pihak kontraktor.
2. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini semua kontraktor semasa berurusan dengan kakitangan Majlis Daerah Gerik hendaklah :-
 1. Mengamalkan pemakaian penutup hidung dan mulut.
 2. Mengamalkan penjarakan sosial tidak kurang satu meter antara satu sama lain.
 3. Menggunakan ' hand sanitizer'.
 4. Hanya **seorang sahaja** dibenarkan memasuki pejabat Jabatan Kejuruteraan MDG dalam satu-satu masa untuk sebarang urusan.